

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 20 JULAI 2017

MUKA SURAT: 12

Panggilan kebakaran turun 47 peratus

PUTRAJAYA - Panggilan kebakaran diterima Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sepanjang Op Raya tahun ini, mencatatkan penurunan 47 peratus iaitu 1,272 panggilan berbanding 2,400 pada tahun lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, ia menunjukkan perkembangan yang baik.

"Op Raya dilaksanakan setiap tahun selama dua minggu iaitu seminggu se-

belum dan seminggu selepas Hari Raya Aidilfitri," katanya kepada pemberita selepas istiadat pengurniaan pingat kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada 394 individu termasuk 24 pengamal media di ibu pejabat jabatan itu di sini, semalam.

Wan Mohd Nor berkata, panggilan menyelamatkan kemalangan jalan raya yang diterima pula meningkat 41 peratus daripada 129 pada tahun lalu, kepada 182 panggilan tahun ini.

"Kes kematian kemalangan jalan raya yang melibatkan respons pihak kami menurun iaitu 35 peratus daripada 28 kes pada tahun lalu, kepada 18 kes tahun ini.

"Kemalangan jalan raya memerlukan respons pihak kami ialah kes kemalangan melibatkan mangsa tersepit dalam kenderaan.

"Dalam kes kemalangan motosikal, ia tidak melibatkan respons Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia," katanya.



Wan Mohd Nor bersama penerima Pingat Ketua Pengarah Bomba, Ahmad Izram Osman (dua, kanan), yang juga Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Bomba.